



Headline	Minuman Coklat Pertama Diperkenal		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	21 Sep 2012	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	60,000
Page No	58	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	167 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 919
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,756



Minuman coklat pertama diperkenal

DUCTH Lady Malaysia optimis mengukuhkan nilai penguasaan pasarnya di Malaysia bagi segmen produk berasaskan susu serentak pengenalan produk terbarunya, Minuman Coklat Dutch Lady.

Pengarah pemasarannya, Anje Martina Henze berkata, setakat ini, Dutch Lady merupakan peneraju pasaran dalam segmen susu cair di Malaysia dengan nilai penguasaan lebih 50 peratus.

"Dengan adanya produk minuman coklat ini, kami yakin jenama

Dutch Lady akan terus kukuh di pasaran tempatan. Tambahan pula, masyarakat di negara ini amat gemar minuman dengan perasa coklat.

"Ini adalah kali pertama kami meneroka segmen minuman coklat, dan untuk produk ini, kami turut menggabungkan kelebihan susu dan kenakan coklat yang pasti memberi pengalaman baru untuk seisi keluarga," katanya selepas melancarkan produk tersebut, di Kuala Lumpur, kelmarin.

Menurutnya, Dutch Lady turut berhasrat menghasilkan produk ini

dalam bentuk bungkusan kecil tahun depan.

Sementara itu, menggunakan slogan "Biar betul, cuba rasa, dan dengan gaya penyediaan, EzyMix iaitu hanya perlu menambah air panas atau kiub ais untuk hidangan minuman sejuk, produk ini adalah lebih mudah disediakan dan berkhasiat.

Minuman coklat Dutch Lady kini boleh didapati di semua pasar raya dan kedai pada harga RM8 untuk pek 350 gram dan RM17.90 untuk pek 900 gram.



Pelawak terkenal, Nabil Ahmad (kiri) dan pelakon, Sharifah Shahira bersama Anje Martina Henze (dua, kiri) serta Ramjeet Kaur Virik.